

Ucapan : ADHO
70
89/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia
Enche Hussein Onn di-Maktab Perguruan Kent,
Tuaran, Sabah, pada hari Selasa 21hb. Sept.
1971, pukul 3.00 petang.

Hari ini ialah hari yang bersejarah bagi saya kerana dapat melawat bagi pertama kali-nya Maktab Perguruan Kent di-Negeri Sabah ini. Saya dan isteri saya serta juga ahli2 rombongan saya dari Kuala Lumpur sangat sukachita dapat melihat dari dekat kerja2 yang tuan2 dan puan2 sedang usahakan di-Maktab ini. Saya juga sangat sukachita mendapat peluang memberi ucapan kepada pelajar2, pensharah2 dan hadhirin sekalian mengenai perkara2 berhubung dengan pelajaran.

Negara Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang membangun. Puchok pimpinan negara kita adalah terdiri daripada negarawan2 yang mementingkan pembangunan dan hasil kerja yang memajukan raayat dan negara.

Dari samasa ka-samasa Kerajaan Malaysia telah menentukan tujuan2 dan matlamat2 jangka pendek dan jangka panjang Kebangsaan yang menjadi tumpuan penyelarasan dan perpaduan usaha2 kita di-dalam berbagai2 bidang termasuklah bidang pelajaran dan pendidekan anak negeri.

Dalam masa lima tahun ke hadapan, segala usaha akan di-tumpukan ka-arrah melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua yang mengandongi matlamat2 dan tujuan2 Kebangsaan. Sebagai bakal guru, pelajar2 dan lebeh2 lagi pensharah2 mereka hendaklah mengetahui sadalam2-nya akan tujuan2, matlamat2 serta rancangan2 Kerajaan 'am-nya dan matlamat2 serta rancangan2 pelajaran dan pendidekan khas-nya.

Pada hari ini saya suka hendak membentangkan kepada pelajar2, dan hadzirin sekalian perkara2 penting mengenai matlamat2 dan rancangan2 pelajarandi-Malaysia yang menjadi tugas kita semua untok menggembelengkan usaha dan tenaga, membantu menjayakan-nya sedapat2-nya dalam masa lima tahun akan datang.

Perpaduan dan kesatuan Bangsa Malaysia adalah suatu matlamat penting yang mesti di-chapai demi kepentingan keutuhan bangsa dan negara; bahkan ini ialah soal tenggelam-timbul-nya bangsa dan negara kita Malaysia yang sangat kita chintai. Kita mestilah memperkemaskan sistem pelajaran kita bagi menggalakkan perpaduan dan kesatuan bangsa kita. Di-sini saya rasa kena pada tempat-nya bagi saya mengucapkan satinggi2 tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah, khas-nya kepada Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ketua Menteri Sabah, kerana mengambil langkah yang bijak mengarahkan supaya sistem pelajaran rendah Negeri Sabah di-selaraskan dengan sistem yang sedang berjalan di-Malaysia Barat. Daripada malumat2 yang telah di-sampaikan kepada saya, jelas sekali Negeri Sabah telah pun dengan pilehan hati dan kerelaan Kerajaan-nya sendiri, melancharkan rancangan2 utama dari segi pelajaran dan pendidekan, berhubung dengan perpaduan dan kesatuan Bangsa Malaysia mengikut garis2 yang terkandung di-dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Kerajaan Sabah telah melaksanakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di-sekolah2 sechara beransor2 mulai dengan penukaran bahasa pengantar di-sekolah2 pengantar Inggeris dari Darjah I pada tahun 1970 lagi. Selaras dengan langkah ini, Kerajaan Sabah telah mengembalikan tugas asal Maktab Perguruan Kent, ia-itu melateh guru2 bagi sekolah2 aliran Bahasa Malaysia sahaja.

Kerajaan Sabah juga telah berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan dalam peluang2 pelajaran di-antara kawasan2 dan kaum2 dengan menjalankan dasar memberi tempat di-sekolah2 bagi tiap2 kanak2 yang berlingkungan umur sekolah rendah pada tahun 1971 ini dan memperkembangkan kemudahan2 pelajaran menengah khas-nya ka-kawasan2 luar bandar yang hingga baharu2 ini telah terbiar dan tertinggal di-belakang.

Penyelarasan dengan sistem pelajaran di-Malaysia Barat dan kehendak2 Rancangan Malaysia Kedua akan menyenangkan Negeri Sabah mengikuti segala perkembangan dalam bidang pelajaran dan pendidekan dari segi sukatan2 pelajaran, buku2 teks, latehan perguruan dan sebagai-nya.

Langkah2 yang telah di-ambil itu amatlah di-hargai kerana ia-nya akan mempercepatkan tercapai-nya cita2 dan harapan untuk menchantumkan sistem2 pelajaran di-Malaysia Timor dengan sistem Kebangsaan pada suatu masa kelak dengan pilehan dan kerelaan hati Kerajaan2 Sabah dan Sarawak sendiri bukan dengan arahan Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Persekutuan tetap menghormati akan hak dan kuasa otonomi Negara2 Malaysia Timor dalam bidang pelajaran.

Penyesuaian dan perkembangan rancangan2 pelajaran dan latehan bagi menchapai keperluan tenaga2 raayat negara kita adalah suatu lagi matlamat penting yang hendak kita chapai, matlamat ini adalah perhubungan rapat pula dengan dua matlamat lagi, ia-itu matlamat hendak membaiki mutu pelajaran untuk membentok suatu masyarakat progresif yang berasaskan kapada sains dan teknologi moden dan matlamat untuk membaiki keupayaan menjalankan penyelidekan, perancangan dan perlaksanaan bagi menchapai tiap2 matlamat yang telah saya sebutkan setakat ini.

Rancangan2 Kementerian Pelajaran bagi Negeri Sabah untuk memberi erti sechara praktis kapada matlamat2 yang saya sebutkan itu di-antara-nya ialah saperti berikut:-

Sa-puluh buah sekolah akan di-perbesarkan dan enam buah sekolah baharu akan di-bina untuk memberi tempat kapada murid2 yang akan di-tambahkan sekali ganda ramai-nya di-sekolah2 menengah Kerajaan.

Satu Projek mengganti bangunan sekolah dan 18 projek memperbesarkan sekolah2 juga akan di-laksanakan bagi sekolah2 menengah yang di-bantu oleh Kerajaan.

Sabuah Maktab Rendah (Junior College) bagi Pelajaran di-Tingkatan Enam juga akan di-tubuhkan bagi seramai 600 orang penuntut2 Negeri Sabah.

Sekolah Vokeshenal Likas dan Pusat Pertukangan khas di-Sandakan akan di-perbesarkan supaya dapat mengambil dan melatch tiga kali ganda ramai-nya bilangan penuntut2.

Rancangan untuk menambahkan darjah dan kecekapan penggunaan Bahasa Malaysia oleh guru2 yang mengajar di-peringkat sekolah2 rendah dan menengah di-Sabah dan Sarawak telah pun di-susun dan di-harap akan dapat di-laksanakan sepenoh-nya dalam masa lima tahun akan datang sechara ber-peringkat2.

Kementerian Pelajaran adalah senantiasa membuka peluang dan sedia menerima pelajar2 dari Sabah dan Sarawak yang berkelayakan memasoki tiap2 pusat pengajian tinggi di-Malaysia Barat.

Dengan bertambah-nya bilangan murid2 sekolah rendah dan menengah di-negeri ini maka sudah tentulah bilangan pelajar2 Sabah di-pusat2 pengajian tinggi di-Malaysia Barat akan terus menerus bertambah juga.

Pelajar2 sekalian dan juga pensharah2 sekalian tentulah telah mendengar dan membaca shor Perkhidmatan Perguruan Terbuka (Open Teaching Service) yang telah di-kemukakan oleh Surohanjaya di-Raja bagi Perkhidmatan Guru2 Malaysia Barat atau Laporan Surohanjaya Aziz seperti yang lebeh di-kenali umum. Chadangan2 Surohanjaya tersebut sudah tentu akan sedikit sebanyak mempengaruhi perkhidmatan guru2 di-Malaysia Timor.

Perkhidmatan Perguruan Terbuka yang di-shorkan itu adalah bertujuan di-antara lain2 untuk menggalakkan guru2 belajar terus menerus dan senantiasa berusaha mengembang dan mempertingkatkan darjah pengetahuan serta kecekapan akademik dan ikhtisas masing2. Perkhidmatan Terbuka itu bermaana membuka peluang perkembangan dalam perkhidmatan (in-service growth) guru2 supaya jika mereka berusaha bersungguh2 mereka boleh meningkat maju salangkah demi salangkah dari satu jenis dan skel gaji ka-satu jenis dan skel gaji yang lebeh tinggi hinggalah ka-jenis dan skel tertinggi dalam Perkhidmatan Pelajaran.

Oleh yang demikian saya menyeru kepada pelajar2 dan pensharah2 sekalian supaya terus menerus berusaha meningkatkan darjah kelulusan pelajaran masing2 dari Junior Sabah Certificate atau Sijil Rendah Pelajaran (S.R.P.) ka-M.C.E. atau S.P.M., ka-H.S.C. atau S.T.P. dan seterusnya ka-peringkat ijazah2 akademik dan ikhtisas di-Universiti2 dalam dan luar negeri.

Negara berkehendakkan guru2 muda yang dinamis dan berchita2 tinggi. Negara berkehendakkan guru2 yang berazam untuk meningkat maju dalam pelajaran dan perkhidmatan. Tetapi, guru2 yang hanya memikirkan kemajuan diri sendiri sahaja adalah tidak di-ingini. Sambil tuan2 dan puan2 berusaha untuk memajukan diri sendiri hendaklah tuan2 dan puan2 sedar bahawa Tatasusila Ikhtisas Perguruan berkehendakkan guru2 mengutamakan kebaikan dan kebajikan murid2. Masharakat dan negara pula berkehendakkan guru yang sedar akan tanggungjawab dan peranan mereka bagi membantu dan menjayakan ranchangan2 pembangunan dan chita2 harapan bangsa dan tanah ayer.

Buat penutup saya suka menyeru kepada pelajar2, pensharah2 dan hadirin sekalian supaya menyumbangkan tenaga bagi membantu menchapai tiap2 tujuan dan matlamat chita2 Kebangsaan Kerajaan dan Raayat Malaysia.



No. Siri	70
No. Penerimaan	70/80